

PRAKTIS Ujian Akhir Sesi Akademik

Bahagian A

2.1 Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka

- 1 Mengapakah Sultan Kedah telah menganugerahkan petempatan berikut kepada orang Sumatera pada tahun 1759?

Pulau Uban

- A Membalas jasa menentang Siam
- B Membantu mengatasi ancaman Aceh
- C Menamatkan masalah perebutan takhta
- D Memajukan pertanian lada hitam

Aras 5 Memahami

- 2 Mengapakah Temenggung Abdul Rahman membawa masuk orang Cina ke Singapura?

- A Menanam lada hitam
- B Molombong bijih timah
- C Mengusaha ladang gambir
- D Menjalankan aktiviti pemiagaan

Aras 5 Memahami

Belanda telah berjaya menguasai Betawi di Pulau Jawa.

- 3 Apakah kepentingan Betawi kepada Belanda?

- A Pusat pedagang utama
- B Pusat pentadbiran Belanda
- C Pusat pangkalan tentera laut
- D Pusat pengumpulan bijih timah

Aras 5 Menganalisis

- 4 Apakah keistimewaan Pulau Pinang sehingga British meluaskan kuasa pada awal abad ke-18?

- I Pangkalan tentera laut
- II Pentadbiran yang aman
- III Pengeluar bijih timah dunia
- IV Pusat pengumpulan barang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras 5 Menganalisis

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan kawasan telah berjaya diduduki oleh British.

- Australia
- Pulau Pinang

Apakah kepentingan kawasan tersebut terhadap British?

- A Bersaing dengan Perancis
- B Berjaya menguasai bijih timah
- C Menjadi pusat pelabuhan utama
- D Membekalkan bekalan makanan

Aras 5 Mengingat


- 6 Sultan Kedah berusaha mendapatkan bantuan ketenteraan daripada British pada abad ke-18.

Apakah faktor yang menggugat Sultan Kedah tersebut?

- I Ancaman kuasa asing
- II Krisis perebutan takhta
- III Gangguan rompakan lanun
- IV Persengketaan dengan Belanda
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras 5 Mengingat

- 7 Ilustrasi berikut berkaitan dengan Perjanjian Persahabatan dan Keamanan British-Kedah pada 1 Mei 1791 di Alor Setar, Kedah.



Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

- A British berundur dari Kedah
- B British campur tangan di Kedah
- C Kedah diserahkan kepada Siam
- D Pulau Pinang diduduki British

Aras 5 Mengingat

8 Apakah persamaan tugas tokoh berikut terhadap British?

Buku Teks
m.s. 36

- Stamford Raffles
- William Farquhar

- A Mencari pelabuhan baharu
- B Memulangkan kawasan jajahan
- C Meluaskan pengaruh ke Alam Melayu
- D Menandatangani perjanjian Surat Kew

Aras S Memahami

9 Pulau Pinang dan Bangkahulu tidak mampu menyaingi pelabuhan-pelabuhan Belanda di Alam Melayu pada abad ke-19.

Buku Teks
m.s. 37, 39

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap kerajaan Alam Melayu?

- A Singapura dikuasai British
- B Pedagang beralih ke Indonesia
- C Belanda menyerang Alam Melayu
- D Perang Napoleon tercetus

Aras T Menganalisis

10 Maklumat berikut berkaitan dengan hubungan antara British dan Belanda pada abad ke-18.

Buku Teks
m.s. 40

Belanda mahu mengelakkan peperangan dengan British selepas abad ke-18

Mengapakah Belanda mahu mengelakkan peperangan dengan British?

- I Ingin menguasai Alam Melayu
- II Meluaskan pengaruh di Selangor
- III Mengalami masalah kewangan
- IV Semakin lemah selepas Perang Napoleon
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Aras S Memahami

2.2 Perjanjian London 1824 dan Kesannya Terhadap Alam Melayu

11 Mengapakah British dan Belanda menandatangani Perjanjian London pada tahun 1824?

Buku Teks
m.s. 42

- A Perluasan pengaruh
- B Penyebaran agama Kristian
- C Pengukuhan persahabatan
- D Persaingan kuasa

Aras S Memahami

12 Apakah syarat Perjanjian London 1824 terhadap British?

Buku Teks
m.s. 43

- A Berundur dari Sumatera
- B Mengiktiraf pelabuhan Singapura
- C Menyerahkan Melaka kepada Belanda
- D Membuka petempatan baharu di Johor

Aras R Mengingat

13 Rajah berikut menunjukkan perubahan sistem pemerintahan di Kesultanan Riau Lingga setelah dikuasai oleh Belanda.

Buku Teks
m.s. 44

Sebelum dikuasai oleh Belanda	Setelah dikuasai oleh Belanda
Diperintah oleh Sultan Abdul Rahman	Diperintah oleh X

Apakah X?

- A Residen Riau
- B Gabenor Jeneral
- C Leftenen General
- D Pesuruhjaya Tinggi

Aras S Menganalisis

14 Apakah tindakan Belanda terhadap tokoh berikut pada tahun 1911?

Buku Teks
m.s. 44

Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah II sebagai pewaris takhta kerajaan Riau Lingga.

- A Dibuang negeri
- B Diiktiraf sebagai sultan
- C Dijatuhkan hukuman
- D Diturunkan takhta

Aras S Menganalisis

2.3 Pembentukan Negeri-negeri Selat

15 Apakah peranan sistem berikut di Melaka?

Buku Teks
m.s. 46

Sistem Kapitan

- A Mengawal pencerobohan kuasa asing
- B Mengukuhkan sistem pertahanan negeri
- C Mewujudkan keamanan dalam komuniti kaum
- D Mengatasi ancaman lanun diperairan Selat Melaka

Aras S Menganalisis

16 Mengapakah berlaku hubungan baik antara Negeri-negeri Selat dengan Negeri-negeri Melayu?

Buku Teks m.s. 40


- A Melabur modal memajukan perlombongan bijih timah
- B Menjadi pintu masuk pelabur luar ke Negeri-negeri Selat
- C Mendapat bantuan kewangan untuk memajukan ekonomi
- D Memerlukan pelabuhan untuk memasarkan hasil dagangan

Aras 5 Memahami

2.4 Pentadbiran Negeri-negeri Selat

17 Rajah berikut berkaitan struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat (1826 – 1867)

Buku Teks m.s. 48



Apakah X?

- A Sultan
- B Pesuruhjaya
- C Residen Konsular
- D Leftenan Gabenor

Aras 5 Mengingat

18 Apakah kesan terhadap Negeri-negeri Sekiranya cadangan berikut diluluskan?

Buku Teks m.s. 49

Mengenakan cukai pelabuhan

- A Mencemarkan imej sebagai pusat perdagangan
- B Menjadikan mata wang rupee India secara rasmi
- C Menjejaskan kemakmuran taraf pelabuhan bebas
- D Mengurangkan kedatangan pedagang antarabangsa

Aras 5 Menganalisis

19 Siapakah orang Melayu pertama yang dilantik menganggotai Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat?

Buku Teks m.s. 49

- A Bendahara Tun Ali
- B Mohammad Eunus Abdullah
- C Temenggung Abdul Rahman
- D Sultan Mahmud Muzaffar Shah IV

Aras 5 Mengingat

20 Majlis berikut ditubuhkan semasa penubuhan Negeri-negeri Selat.

Buku Teks m.s. 49

Majlis Eksekutif

Apakah peranan majlis tersebut?

- A Mengurus hal pentadbiran
- B Menjaga keamanan negeri
- C Menggubal undang-undang
- D Meluluskan belanjawan negeri

Aras 5 Memahami